

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 MEI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 3

### Perluas sistem ‘fleet card’ sektor pengangkutan darat

# Perluas sistem ‘fleet card’ sektor pengangkutan darat

**Langkah pastikan pemberian diesel bersubsidi sampai golongan sasaran, elak ketirisan**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Hazwan Faisal Mohamad  
[bhnews@bh.com.my](http://bhnews@bh.com.my)

**Putrajaya:** Dalam usaha menambah baik sistem subsidi bersasar, kerajaan semalam mengumumkan beberapa langkah bagi memastikan ia sampai kepada golongan memerlukan serta mengurangkan ketirisan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pemberian subsidi diesel sedia ada diteruskan, namun ditambah baik dengan memastikan kenderaan yang mendapatkan bekalan diesel dari stesen minyak atau tangki skid dilengkapi dengan sistem ‘fleet card’.

Bercakap pada sidang media selepas mempergeserikan Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di sini, semalam, Anwar berkata, untuk itu kerajaan akan memperluaskan pemberian diesel bersubsidi kepada sembilan sektor pengangkutan darat melalui mekanisme ‘fleet card’.

Sembilan sektor pengangkutan darat berkenaan ialah lori kargo am, lori minuman botol, lori sejuk beku, lori kuton/kotak, lori penggerak utama, lori tangki tepung, lori tangki air,

panel van dan ‘window’ van.

“Langkah ini akan memastikan sektor logistik yang menguruskan edaran barang menerima diesel bersubsidi, sebagai sebahagian dari usaha kerajaan menekan inflasi.

“Pemberian diesel subsidi itu diteruskan tetapi mesti melalui fleet card. Dengan cara ini, kita dapat kesan siapa perlu boleh pakai, tapi jangan ambil diesel dan jual kepada kilang seperti mana berlaku sekarang,” katanya.

#### Tambah baik subsidi diesel

Anwar yang juga Menteri Kewangan menegaskan, tumpuan kerajaan seterusnya ialah untuk menambah baik sistem subsidi diesel yang menyaksikan tanggungan subsidi negara melonjak kepada RM13 bilion pada 2022.

Katanya, semakan menunjukkan penggunaan diesel melonjak 37.7 peratus iaitu 6.1 bilion liter pada 2019 iaitu ketika pra-COVID kepada 8.4 billion liter pada 2022 (pasca-COVID), sedangkan jumlah kenderaan berdaftar yang menggunakan diesel hanya meningkat 2.4 peratus iaitu dari 2.08 juta pada 2019 kepada 2.13 juta pada 2022.

“Peningkatan mendadak penggunaan diesel berbanding jumlah kenderaan diesel membayangkan ketirisan melalui penyeludupan yang perlu ditangani segera,” katanya.

Beliau berkata, kos pemasangan sistem ‘fleet card’ bagaimanapun akan ditanggung oleh syarikat pengangkutan.

“Kita sedang perincikan lagi kenderaan mana diperlukan dan sebagainya tetapi yang jelas subsidi diesel tidak dinaikkan.



Anwar pada sidang media selepas mempergeserikan MTEN di Putrajaya, semalam. Yang turut hadir, Rafizi.  
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

“Cuma kita nak tentukan yang berhak akan peroleh diesel subsidi. Kita tidak mahu, wang cukai dibayar untuk bantu rakyat, tetapi diguna kartel, seperti kartel minyak masak, digunakan untuk kepentingan segelintir kecil,” katanya.

Anwar ketika membentangkan Belanjawan 2023 sebelum ini mendedahkan wujudnya ketirisan subsidi diesel dengan anggaran hampir RM10 bilion sepanjang tahun lalu.

Dalam sidang media itu juga, Anwar berkata, MTEN bersetuju Pangkalan Data Utama (PADU) dibangunkan bertujuan menggabungkan sebanyak mungkin maklumat sosioekonomi bagi setiap isi rumah untuk membantu kerajaan mengubal dasar dan menyasarkan subsidi.

Beliau berkata, PADU akan membantu kerajaan memastikan sebarang program subsidi dilaksanakan dengan lebih teratur untuk mengelakkan sebarang keciciran dalam kalangan penerima isi rumah yang layak.

“Kekerapan dan ketepatan data adalah penting untuk membantu penggubalan dasar kerajaan yang dapat memenuhi keperluan dan keyakinan rakyat.

“Isu berkenaan sekuriti data juga akan ditangani dan diutamakan, serta penyeiarasan lebih baik untuk mengurangkan aspek pertindihan,” katanya dan menambah bahawa, MTEN telah diarahkan untuk melihat keperluan penggubalan akta khusus untuk membolehkan inisiatif perkongsian data itu dapat diwujudkan.